

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Dua kluster punca kes meningkat

432 kes baharu catat rekod tertinggi


Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Ahmad Suhail Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia merekodkan 432 kes baharu COVID-19 semalam, iaitu yang tertinggi pernah dicatatkan sejak wabak itu mula dikesan di negara ini pada akhir Januari lalu.

Sebahagian besar kes berkenaan adalah dari Kedah, iaitu 241 dan Sabah 130, yang mana kedua-duanya menyumbang 85.9 peratus daripada keseluruhan kes baharu itu.

Daripada 429 kes penularan dalam negara, 224 adalah yang dikesan daripada Kluster Tembok iaitu di Penjara Kedah, manakala 29 kes membabitkan individu yang pulang dari Sabah.

Kebanyakan kes baharu di Sabah pula adalah membabitkan Kluster Bangau-Bangau yang me-



Orang ramai membuat saringan di Selcare Clinic SS13 Shah Alam milik kerajaan negeri Selangor, yang mengadakan saringan bersasar dan percuma kepada pemastautin tetap yang mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah pada 20 hingga 26 Oktober lalu. (Foto Azliah Azmeel/BH)



Dengan kes baharu itu, jumlah kumulatif jangkitan yang direkodkan di negara ini sebanyak 12,813, dengan 2,336 kes aktif setakat ini.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

rekodkan 39 kes.

Ia adalah kali ketiga berturut rekod harian tertinggi virus itu dicatatkan di negara ini selepas mencatatkan 287 kes pada Jumaat lalu diikuti 317 kes pada Sabtu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata dengan kes baharu itu, jumlah kumulatif jangkitan yang direkodkan di negara ini sebanyak 12,813, dengan 2,336 kes aktif setakat ini.

Beliau berkata daripada jumlah kes baharu itu, sebanyak 429 kes membabitkan jangkitan dalam negara dan tiga lagi adalah kes import.

"Sebanyak 57 kes pulih dicatatkan, menjadikan jumlah kumulatif discaj sebanyak 10,340 atau 80.7 peratus daripada keseluruhan kes jangkitan.

"Jumlah pesakit yang menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU) adalah 32 orang dan lapan pesakit memerlukan bantuan pernafasan. Tiada kes kematian dicatatkan, menjadikan jumlah kumulatif kematian kekal 137 atau 1.07 peratus," katanya menerusi Facebook, semalam.

3 kluster baharu dikesan di Kedah, Terengganu

Kuala Lumpur: Tiga kluster baharu jangkitan COVID-19 dikenal pasti semalam, dua daripadanya di Kedah dan satu di Terengganu, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Kluster itu dikenali sebagai Bah Sintok dan Jeram di Kubang Pasu, Kedah, serta Bah Tanjung di Kuala Nerus, Terengganu.

Dr Noor Hisham berkata, kes indeks bagi Kluster Bah Sintok adalah membabitkan seorang lelaki tempatan berusia 23 tahun yang pulang dari Sabah pada 20 September lalu, sebelum demam, selesema dan sakit kepala sejak 22 September.

Jelasnya, saringan COVID-19 terhadapnya positif pada 2 Oktober sebelum pesakit itu dima-

sukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah.

"Susulan itu, saringan kontak rapat dijalankan dan 11 lagi kes positif COVID-19 dikenal pasti. Semua kes dikesan positif adalah rakyat Malaysia dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah.

"Sehingga 5 Oktober, 12 tengah hari, sejumlah 165 individu disaring. Keputusan saringan mendapati 12 dikesan positif COVID-19, 61 individu negatif dan 92 individu masih menunggu keputusan. Punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Jeram pula mula dikesan melalui seorang wanita tempatan berusia 31 tahun yang bergejala batuk dan sakit kepala sejak 25 Sep-

tember lalu, sebelum mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Tunjung pada 28 September dan menjalani saringan COVID-19.

Wanita itu didapati positif pada 29 September dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah.

Susulan itu, saringan kontak rapat dijalankan dan tiga lagi kes positif COVID-19 dikenal pasti, yang semuanya membabitkan petugas kesihatan dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah untuk rawatan.

"Sehingga 5 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 65 individu disaring. Keputusan saringan adalah empat dikesan positif COVID-19, 50 individu negatif dan 11 individu masih menunggu keputusan.

"Proses pembersihan dan nyah-

kuman di fasiliti kesihatan yang berkaitan sudah dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kubang Pasu, Kedah. Punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.

Berhubung Kluster Bah Tanjung, Dr Noor Hisham berkata, ia mula dikesan pada seorang lelaki tempatan berusia 46 tahun pernah ke Semporna, Sabah antara 10 hingga 27 September lalu, sebelum sakit tekak dan demam sejak 28 September.

Katanya, saringan COVID-19 lelaki itu disahkan positif pada 30 September dan dimasukkan ke Hospital Hulu Terengganu.

"Susulan itu, saringan kontak rapat sudah dijalankan dan enam lagi kes positif COVID-19 dikenal pasti. Semua kes positif ini membabitkan rakyat Malaysia dan me-

reka juga dimasukkan ke Hospital Hulu Terengganu untuk rawatan.

"Sehingga 5 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 245 individu disaring. Keputusan saringan adalah tujuh dikesan positif COVID-19, 113 individu negatif dan 125 individu masih menunggu keputusan. Punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.

Di Johor, EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyantathan, berkata enam daripada lapan kes baharu di negeri itu mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah, termasuk sepasang suami isteri yang bercuti ke Semporna, Sabah.

"Sehingga semalam (kelmarin), terdapat 14 kes positif yang dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

150 pegawai perubatan kontrak terima lantikan tetap

Selaras permohonan pelantikan diluluskan SPA 21 September lalu

Oleh Sophia Ahmad
sophia@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 150 Pegawai Perubatan Gred UD41 kontrak menerima tawaran lantikan tetap untuk penempatan di Sarawak, selepas berjaya menamatkan program latihan siswazah masing-masing.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata tawaran pelantikan berkenaan adalah selaras dengan permohonan pelantikan tetap yang diluluskan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) 21 September lalu.

Ia adalah kesinambungan kepada urusan pelantikan tetap yang dilaksanakan sebelum ini kepada Pegawai Perubatan Gred UD41 (kontrak) daripada kalangan Kohort Lantikan Bilangan 2 Tahun 2017.

"Pelantikan ini, dipersetujui oleh SPA untuk dianjak mulai 15 Mei 2017, iaitu bersamaan dengan tarikh lapor diri semua pegawai


lantikan kontrak.

"Penempatan kali ini hanya dibuat di pejabat dan fasiliti kesihatan Sarawak selepas mengambil kira kepentingan perkhidmatan dan kekosongan jawatan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Adham berkata, semua pegawai berkenaan perlu melapor diri di Jabatan Kesihatan Sarawak pada 12 Oktober nanti.

"Seramai 66 pegawai dari jumlah itu ialah anak watan Sarawak, manakala bakinya iaitu 84 lagi atau 56 peratus terdiri daripada anak kelahiran Semenanjung yang diyakini mampu memberikan komitmen sepenuhnya kepada rakyat Sarawak," katanya.

Pelantikan ini juga, katanya, menandakan semua anak kelahiran Sarawak dengan jawatan Pegawai Perubatan Gred UD41 (kontrak) dalam Kohort Lantikan Bilangan 2 Tahun 2017 berjaya memenuhi kriteria untuk dilantik ke jawatan tetap.

 Penempatan kali ini hanya dibuat di pejabat dan fasiliti kesihatan Sarawak selepas mengambil kira kepentingan perkhidmatan dan kekosongan jawatan.

Dr Adham Baba,
Menteri Kesihatan



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

Kluster baharu dikesan di Kedah, Terengganu

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti tiga lagi kluster baharu membatikan dua di Kedah dan satu di Terengganu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster terbabit adalah Kluster Bah Sintok dan Kluster Jeram di Kedah serta Kluster Bah Tanjung di Terengganu.

Menurutnya, Kluster Bah Sintok dikenal pasti di Kubang Pasu, Kedah apabila kes indeks kluster ini (iaitu kes ke-12,072) adalah seorang lelaki warganegara Malaysia

berusia 23 tahun yang baru pulang dari Sabah pada 20 September.

"Kes mempunyai gejala demam, selesema dan sakit kepala sejak 22 September lalu. Saringan Covid-19 dikesan positif pada 2 Oktober lalu dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah.

"Susulan itu, saringan kontak rapat dijalankan dan 11 lagi kes positif Covid-19 dikenal pasti. Kesemua kes yang dikesan positif adalah warganegara Malaysia dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah," katanya dalam satu kenya-

taan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga 12 tengah hari semalam sejumlah 165 individu disaring apabila 12 dikesan positif, 61 negatif dan 92 masih menunggu keputusan.

"Bagi Kluster Jeram pula dikenal pasti di Kubang Pasu, Kedah. Kes indeks kluster ini (iaitu kes ke-11,211) adalah seorang pesakit wanita warganegara Malaysia berusia 31 tahun.

"Kes bergejala batuk dan sakit kepala sejak 25 September dan mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Tunjang pada 28 September

di mana saringan Covid-19 dijalankan.

"Kes dikesan positif pada 29 September dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah. Susulan itu, saringan kontak rapat dijalankan dan tiga lagi kes positif Covid-19 dikenal pasti," katanya.

Beliau berkata, ketiga-tiga kes positif ini membatikan petugas kesihatan. Mereka juga dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah untuk rawatan.

"Sehingga 12 tengah hari ini (semalam) seramai 65 individu disaring di mana empat dikesan positif, 50 ne-

gatif dan 11 masih menunggu keputusan.

"Proses pembersihan dan nyah kuman di fasiliti kesihatan yang berkaitan telah dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kubang Pasu, Kedah. Punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.

Katanya, Kluster Bah Tanjung pula dikenal pasti di Kuala Nerus, Terengganu. Kes indeks kluster ini (iaitu kes ke-11,477) adalah seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 46 tahun.

"Kes mempunyai sejarah perjalanan ke Semporna, Sabah dari 10 sehingga 27 September. Kes bergejala sakit tekak dan demam sejak 28 September," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NEGARA

432 kes positif, tiga kluster lagi dikesan

PUTRAJAYA - Negara mencatatkan rekod baharu penularan Covid-19 dengan 432 kes semalam, paling tinggi sejak wabak tersebut melanda negara sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan kes positif sebanyak 12,813.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes harian itu antara lain disumbangkan daripada kes positif di tiga kluster baharu iaitu Kluster Bah Sintok dan Kluster Jeram di Kedah serta Kluster Bah Tanjung di Terengganu.

Beliau berkata, kes indeks bagi Kluster Bah Sintok dan Bah Tanjung didapati mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah, sekali gus menjadikan jumlah kes membabitkan individu balik dari Sabah sejak 20 September lalu sebanyak 235 kes termasuk 29 yang dilaporkan semalam.

"Sebanyak 17 kes balik dari Sabah dikesan di Selangor, Labuan (empat), Kuala Lumpur dan Johor (dua) serta masing-masing

satu di Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka dan Kelantan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.


Pada masa sama, beliau berkata, Kedah mengatasi Sabah dengan mencatatkan kes tertinggi sebanyak 241 dengan 224 daripadanya adalah daripada Kluster Tembok.

Sabah merekodkan 130 kes membabitkan 57 saringan bergejala selain 39 kes di Kluster Bangau-Bangau dan tiga di Kluster Benteng LD.

Noor Hisham berkata, kes indeks Kluster Bah Sintok yang merupakan warganegara 23 tahun dikesan positif pada 2 Oktober lalu dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah.

Beliau berkata, mangsa bergejala demam, sesesema dan sakit kepala sejak 22 September dan saringan kontak rapat mengesan 11 lagi kes positif Covid-19 yang kini dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah.

Bilangan kes harian mengikut negeri



AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 18
 RUANGAN : NEGARA

COMBI perlu lebih aktif perangi penyebaran penyakit denggi



PENDUDUK bergotong-royong membersihkan kawasan perumahan sekitar daerah Pontian baru-baru ini.

PONTIAN – Semua pertubuhan bagi Program Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI) di daerah ini disaran agar memainkan peranan penting dan sentiasa aktif dalam membantu usaha memerangi penyakit demam denggi.

Pengerusi COMBI Daerah Pontian, Noraini Turot berkata, masyarakat juga diharapkan lebih bertanggungjawab selain berganding bahu bagi membantu pihak kerajaan mencegah penularan penyakit tersebut.

Katanya, daripada 80 COMBI di daerah Pontian, hanya 35 dikategorikan sebagai aktif dengan sekurang-kurangnya menjalankan aktiviti sebanyak dua kali

dalam sebulan di kawasan masing-masing.

"Kami berharap mereka yang kurang aktif disaran menjalankan aktiviti mereka bagi membantu mengurangkan penyakit demam denggi di daerah Pontian," katanya selepas pelancaran COMBI bagi Komuniti Penduduk Jalan Mohd. Salleh (JMS), di sini kelmarin.

Turut hadir Dr. Fairulliza Suha dari Pejabat Kesihatan Daerah Pontian dan Pengerusi Komuniti Penduduk JMS, Johari Ishak.

Tambah beliau, aktiviti paling mudah yang boleh dilaksanakan ialah gotong-royong bagi menjadikan kawasan persekitaran menjadi bersih dan bebas dari-

pada sebarang punca yang tidak diduga.

"Masih ramai beranggapan ia adalah tanggungjawab Kementerian Kesihatan dan membiarkan kawasan kediaman mereka tidak terpelihara," katanya.

Noraini berkata, semua komuniti dialu-alukan untuk menubuhkan COMBI bagi sama-sama menyedarkan masyarakat mengenai pentingnya mengambil langkah pencegahan.

"Pihak kami bersama Pejabat Kesihatan Daerah sedia untuk membantu mana-mana komuniti masyarakat yang menubuhkan COMBI supaya lebih ramai terlibat dengan aktiviti seperti itu," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes positif Covid-19 tertinggi direkod

Malaysia catatkan 432 kes positif baharu semalam

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Pandemik koronavirus (Covid-19) terus menjadi ancaman selepas negara mencatatkan 432 kes baharu semalam.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi ciapan di laman Twitternya memaklumkan, daripada jumlah itu 429 adalah penularan tempatan dan tiga kes import.

"Ia tertinggi sejak wabak ini melanda negara kita," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenya-

taannya berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 adalah 12,813 kes.

Menurutnya, jumlah pesakit yang dirawat di unit rawatan rapi turut meningkat kepada 32 orang. "Lapan pesakit Covid-19 memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Beliau berkata, jumlah kematian berkaitan Covid-19 kekal pada 137 kes selepas tiada kes baharu direkodkan.

Memperincikan penularan dalam negeri, beliau berkata, Kedah merekodkan kes harian tertinggi dengan 241 kes.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 244 kes dikesan daripada Kluster Tembok yang melibatkan 215 warganegara dan sembilan bukan warganegara.

"Selebihnya adalah 11 kes daripada Kluster Bah Sintok dan tiga kes Kluster Jeram. Masing-masing satu kes daripada Kluster

Bah Ketil, Kluster Sungai dan seorang saringan bergejala," katanya.

Sementara itu, di Sabah pula, 130 kes positif dikesan melibatkan 57 kes saringan bergejala dan 37 daripada Kluster Bangau-Bangau.

"Enam kes saringan petugas kesihatan, tiga kes Kluster Benteng LD dan tiga lagi saringan tempat kerja.

"Dua kes melibatkan saringan Severe Acute Respiratory Illness (SARI) dan dua yang lain adalah saringan komuniti.

"Dua kes dikesan menerusi saringan Influenza-Like Illness (ILI) dan pra pembedahan," katanya.

Di Selangor, sebanyak 34 kes dikesan antaranya melibatkan 17 individu pulang dari Sabah.

"Terengganu dan Kuala Lumpur masing-masing lima kes dikesan, Labuan empat kes," katanya.

PECAHAN KES BAHARU JANGKATAN COVID-19 MALAYSIA

DETAILS OF NEW CASES COVID-19 MALAYSIA

432 Kes baharu (New cases)




SUMBER: CPIC KEBANGSAAN

UKR@MOH

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




* Dikemas kini pada jam 7 petang 5 Oktober 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 12,381 kes kepada 12,813 kes

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	12,813	PULIH:	10,340	ICU:	32	KEMATIAN:	137	KES BAHARU:	+432
---------------------	--------	--------	--------	------	----	-----------	-----	-------------	------



INFOGRAFIK SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

150 pegawai perubatan terima lantikan tetap

Daripada jumlah itu, seramai 66 pegawai atau 44 peratus daripadanya merupakan anak kelahiran negeri Sarawak

Oleh ZUBIR SULAIMAN

SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menawarkan pelantikan secara tetap kepada seramai 150 Pegawai Perubatan Gred UD41 (kontrak) yang telah menjalani latihan siswazah dengan jayanya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, daripada jumlah itu, seramai 66 pegawai atau 44 peratus daripa-

danya merupakan anak kelahiran negeri Sarawak.

Menurutnya, baki 84 pegawai lagi atau 56 peratus dari Semenanjung yang memberikan komitmen sepenuhnya kepada rakyat Sarawak akan melapor diri di Jabatan Kesihatan Sarawak pada 12 Oktober 2020.

“Melalui tawaran pelantikan ini, kesemua Pegawai Perubatan Gred UD41 (kontrak) anak kelahiran negeri Sarawak dalam Kohort Lantikan Bilangan 2 Tahun 2017 yang memenuhi kriteria telah pun ditawarkan pelantikan secara tetap,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Dr Adham berkata, tawaran pelantikan itu selaras dengan permohonan pelantikan tetap yang telah



ADHAM BABA

diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada 21 September 2020.

Katanya, tawaran berkenaan merupakan kesinambungan urusan pelantikan secara tetap kepada Pegawai Perubatan Gred UD41 (kontrak) dalam kalangan Kohort Lantikan Bilangan 2 Tahun 2017.

“Pelantikan ini dipersetujui oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk dikebelakangkan mulai 15 Mei 2017 iaitu bersamaan dengan tarikh pegawai melapor diri sebagai pegawai lantikan kontrak.

“Bagi urusan kali ini, penempatan pegawai hanya dibuat di pejabat dan fasiliti kesihatan di negeri Sarawak sahaja,” katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN :-

● Menteri positif ● Anggota Kabinet kena kuarantin

Apa tindakan?

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kes positif Covid-19 melonjak hampir sekali ganda berbanding kelmarin dengan 432 kes direkodkan semalam dengan jumlah aktif kebolehhangkitan mencapai sebanyak 2,336 kes.

Lebih membimbangkan, kewujudan kluster baharu juga bertambah kepada tiga kluster iaitu Kluster Bah Sintok, Kluster Jeram di Kedah dan Kluster Bah Tanjung di Terengganu.

Negara juga digemparkan dengan keputusan positif Covid-19 melibatkan Menteri di Jabatan

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Zulkifli Al-Bakri.

Ekoran itu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut mengambil tindakan kuarantin di rumah selama 14 hari kerana beliau mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang turut dihadiri Zulkifli pada 3 Oktober lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 432 kes baharu yang dilaporkan, hanya tiga kes adalah kes import dan selebihnya membabitkan penularan tempatan.

Menurut beliau, sebanyak 224 kes daripada 429 kes penularan

tempatan 'disumbangkan' oleh Kluster Tembok iaitu di penjara di Kedah manakala 29 kes pula merupakan pengunjung yang pulang dari Sabah.

Katanya, ia sekali gus menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 sebanyak 235 kes.

Noor Hisham berkata, Kedah mencatatkan kes tertinggi dengan 241 kes, 11 kes daripadanya merupakan kluster baharu Kluster Bah Sintok dan tiga kes juga daripada kluster baharu, Kluster Jeram.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

Apa tindakan?

Dari muka 1

Selain itu, kata beliau, satu kes masing-masing direkodkan daripada Kluster Bah Ketil dan Kluster Sungai.

"Di Sabah pula, sebanyak 130 kes direkodkan dengan 39 kes daripada Kluster Bangau-Bangau, enam kes saringan petugas kesihatan dan tiga kes daripada Kluster Benteng LD.

"Sebanyak 34 kes dicatatkan di Selangor iaitu melibatkan 17 kes saringan pulang dari Sabah, sembilan kes daripada Kluster Jalan Meru dan tiga kes daripada Kluster Seri Anggerik," katanya dalam laporan harian kes positif Covid-19 di sini semalam.

Mengulas lanjut, Noor Hisyam memberitahu, lima kes dicatatkan di Terengganu dengan tiga kes adalah daripada Kluster baharu, Bah Tanjung.

Begitu juga di Kuala Lumpur, kata beliau turut mencatatkan

lima kes iaitu dua kes daripada Kluster Seri Setia dan satu kes daripada Kluster Jalan Meru, manakala di Labuan merekodkan empat kes saringan pulang dari Sabah.

Menurut beliau, tiga negeri iaitu Johor, Perak dan Putrajaya masing-masing merekodkan dua kes iaitu daripada Kluster Selasih.

"Di Negeri Sembilan, Pahang, Melaka dan Kelantan turut mencatatkan satu kes iaitu daripada kes saringan pulang dari Sabah," katanya.

Sementara itu, berikutan peningkatan kes mendadak di Sabah, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kota Kinabalu, Penampang dan Putatan berkuat kuasa hari ini.

Pelaksanaan perintah itu bagi membendung jangkitan dan penularan Covid-19 dalam kawasan tersebut serta mem-

bolehkan aktiviti pengesanan kes secara bersasar dilaksanakan sepanjang tempoh 14 hari.

Berhubung kes positif melibatkan menteri itu, Kementerian Kesihatan telah menjalankan ujian saringan pengesanan Covid-19 ke atas semua ahli dan urus setia mesyuarat tersebut.

Dalam pada itu, menurut Perdana Menteri, beliau akan terus bekerja dari rumah dan menggunakan sidang video bagi mesyuarat yang perlu dipengerusikannya.

"Sebagai langkah berjaga-jaga, saya juga melakukan ujian saringan pengesanan Covid-19 setiap dua minggu sejak April lalu dan kesemua ujian pengesanan ini telah disahkan negatif," katanya.

Sebuah sekolah kebangsaan di Ampang, Selangor turut mengadakan ujian saringan melibatkan beratus pelajaranya selepas seorang muridnya dipercayai positif Covid-19.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI



ZAINAL Rahim Seman (dua kanan) beramah mesra dengan ahli suruhanjaya SPA pada Majlis Pelancaran Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) di Blok F8, Kompleks F, Putrajaya semalam.

Penjawatan dalam KKM akan dilulus segera

Oleh HASIF IDRIS

utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sedia memberikan kelulusan segera kepada permohonan jawatan diperlukan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi membendung penularan wabak Covid-19.

Pengerusinya, Tan Sri Zainal Rahim Seman berkata, pihaknya ada sistem membuat pelanti-

kan segera bagi keperluan khas seperti KKM.

"KKM boleh minta berapa banyak jawatan yang diperlukan untuk pihak kita pertimbangkan. Kita pernah luluskan 2,000 ke 3,000 jawatan bergantung kepada keperluan.

"Sebaik permohonan sampai kepada SPA, kita akan proses kerana kita ada sistem kelulusan dalam tempoh 24 jam dan tiada isu kelewatan timbul," katanya pada sidang akhbar di sini

semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Sistem Pendaftaran Pekerjaan SPA (SPA9) yang ditambah baik daripada sistem sedia ada iaitu SPA8i.

Minggu lalu, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menggesa KKM melantik petugas barisan hadapan perubatan secara tetap kerana kerajaan meluluskan 10,560 waran perjawatan baru-baru ini.

Cuepacs menerima maklum balas daripada petugas terabit yang menyatakan mereka menjalankan tugas sebagai lantikan kontrak malah ada yang menerima lantikan ketika perintah kawalan pergerakan (PKP).

Antara jawatan ditawarkan secara kontrak adalah pegawai perubatan, penolong pegawai kesihatan, jururawat dan pembantu perawatan kesihatan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : GAYA.KESIHATAN

TIROID

- » Hormon tiroid dirembeskan daripada kelenjar tiroid yang berbentuk rama-rama terletak di bahagian hadapan leher.
- » Dua masalah kesihatan sering dikaitkan dengan perubahan mahupun gangguan hormon tiroid ialah hipertiroidisme dan hipotiroidisme.
- » Hipertiroidisme ialah kelenjar tiroid terlalu aktif.
- » Hipotiroidisme ialah kelenjar kurang aktif.
- » Hormon tiroid yang dihasilkan sama ada tiroksin (T4) dan triiodotironina (T3) memainkan peranan penting dalam proses tumbesaran, perkembangan dan metabolisme badan, selain menentukan kadar fungsi organ dalaman.

Oleh **AFZAN YUSOF**
afzanyusof@mediamula.com.my

GANGGUAN kelenjar tiroid boleh melemahkan dan menjejaskan kualiti hidup perhidapnya. Gangguan itu turut menyebabkan pesakit lebih berisiko mendapat penyakit serius menjejaskan kesihatan jantung dan tulang.

Kajian mendapati ramai penduduk Malaysia, mengidap gangguan tiroid, dengan sebahagian besar terdiri daripada wanita.

Presiden Persatuan Endoktrin dan Metabolik Malaysia (MEMS), **Datuk Dr. Zanariah Hussein** berkata, 3.4 peratus daripada populasi di Malaysia menghidapi hipertiroidism manakala 2.1 peratus menghidapi hipotiroidism.

Malangnya katanya, kebanyakan penghidap ketidaktifan tiroid tidak didiagnos pada peringkat awal.

"Individu hanya menunjukkan ketidaktifan tiroid secara asimptomatik, memberi indikasi seolah-olah tiada tanda-tanda mereka menghidapi sebarang masalah kesihatan," katanya dalam majlis Pelancaran Panduan Amalan Klinikal: Pengurusan Penyakit Tiroid di ibu negara, baru-baru ini.

Majlis dirasmikan Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (IKN), **Datuk Dr. Norhizan Ismail**, mewakili Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Tan Sri



DR. Norhizan Ismail (dua dari kiri) dan **Dr. Zanariah Hussein** pada pelancaran *Panduan Amalan Klinikal* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ramai pesakit tidak sedar menghidapinya

Pengurusan tiroid lengkap



DR. Norhizan Ismail (kiri) menerima salinan *Panduan Amalan Klinikal* daripada **Dr. Zanariah**.



Individu hanya menunjukkan ketidaktifan tiroid secara asimptomatik, memberi indikasi seolah-olah tiada tanda-tanda mereka menghidapi sebarang masalah kesihatan."

Dr. Noor Hisham Abdullah.

Tiroid adalah sejenis kelenjar merembeskan hormon bagi pengawalan tindakan metabolisme dalam proses penghasilan tenaga melalui pengambilan makanan.

PANDUAN

Dr. Zanariah berkata, lantaran itu diagnosis awal dan tepat adalah perlu dalam menguruskan masalah ini dengan lebih baik.

Sementara itu, **Dr. Norhizan** berkata, panduan berkenaan disifatkan selari dengan piawaian antarabangsa.

Malah ia amat bermanfaat, lebih-lebih lagi didasari dokumen komprehensif mengandungi 270 saranan dalam membantu pengamal perubatan di Malaysia.

Katanya, ia bukan sahaja mampu membimbing golongan berkenaan tetapi turut berfungsi membekalkan semua maklumat diperlukan orang ramai.

"Adalah amat penting untuk kita menangani penyakit tiroid dalam kalangan rakyat. Lebih-lebih lagi ia adalah penyakit endokrin kedua terbesar selepas diabetes mellitus," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2-3
 RUANGAN : NEWS/ STORY OF TH DAY



3 NEW CLUSTERS

432 NEW COVID-19 CASES

Kedah, Sabah see highest number of cases with cluster in Terengganu too

HANA NAZ HARUN
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

FOR the third time in four days, Malaysia reached an all-time high of new Covid-19 cases, registering 432 cases yesterday.

This puts in the shade the 293 cases recorded on Monday and 317 cases on Sunday.

To compound matters, three new clusters were detected in Kedah, now a major Covid-19 infection area, and Terengganu.

From yesterday's total, 429 were local transmissions, while three were imported cases from India, Kuwait and Myanmar.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said among the local transmissions, 409 were Malaysians, while the remaining 20 were foreigners.

Kedah and Sabah recorded the

highest number of new confirmed cases, with 241 and 130, respectively.

The bulk of the cases yesterday were linked to the Tembok cluster, originating from a prison in Kedah, involving 224 people.

"Twenty-nine cases involved those who had returned from Sabah. This brings the total number of positive cases with a travel history to Sabah since Sept 20 to 235," he said in a statement yesterday.

The majority of infections in Sabah were found through screenings of symptomatic people (57 cases), the Bangau-Bangau cluster (39), and close contact screenings (16).

In Selangor, 34 new cases were reported, with 17 involving those who had returned from Sabah, and nine from the Jalan Meru cluster.

He said the ministry had also detected three new clusters — two in Kedah (Bah Sintok and Jeram clusters) and one in Terengganu (Bah Tanjung cluster) — involving a total of 17 people.

The Bah Sintok cluster in Kedah was detected in Kubang Pasu, with the index case (Case 12,072) being a 23-year-old

Malaysian man who had returned from Sabah on Sept 20.

Dr Noor Hisham said the man had symptoms, such as fever, flu and headache, since Sept 22, and was found positive on Oct 2.

He is being treated at Sultanah Bahiyah Hospital.

"Close contact screening was conducted and 11 more positive cases were identified.

"Up to noon on Oct 5, 165 individuals were screened, with 12 testing positive, 61 negative, and 92 others still awaiting results."

The Jeram cluster was also detected in Kubang Pasu, Kedah. The index case (Case 11,211) of this cluster was a Malaysian woman, 31, who showed symptoms since Sept 25.

She sought treatment at the Tunjang Health Clinic on Sept 28, where she was screened for Covid-19.

She was found positive on Sept 29 and warded at Sultanah Bahiyah Hospital.

"Three more positive cases were identified after close-contact screening. All three positive cases involve health workers," said Dr Noor Hisham.

He said 65 individuals linked to

Healthcare workers arriving at a village in Semporna, Sabah, yesterday to screen residents for Covid-19. PIC COURTESY OF READER

this cluster had been screened, with 50 testing negative and 11 awaiting results.

The Bah Tanjung cluster identified in Kuala Nerus, Terengganu, was linked to a Malaysian man, aged 46.

He had a travel history to Semporna, Sabah, from Sept 10 to 27, and had a sore throat and fever since Sept 28.

"The man tested positive on Sept 30 and has been admitted to Hulu Terengganu Hospital.

"Close contact screening was conducted and we found six more positive cases," said Dr Noor Hisham, adding that 245 individuals linked to the cluster had been screened.

Of the total, 113 tested negative and 125 others were still awaiting results.

Dr Noor Hisham said Kuala Lumpur recorded seven cases, Terengganu five and Labuan four.

Johor, Perak and Putrajaya recorded two cases each, while Kelantan, Negri Sembilan, Melaka, Pahang and Sarawak recorded one case each.

No new cases were reported in Perlis and Penang.

He said 57 people had been discharged after treatment, bringing the total number of recoveries to 10,340, or 80.7 per cent.

Thirty-two patients are warded in Intensive Care Units, with eight requiring ventilators.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Kedahans urged to be more vigilant in Covid-19 fight

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

ALOR SETAR: Kedahans have been urged to be more vigilant in the battle against the Covid-19 pandemic as the standard operating procedure (SOP) compliance rate so far has been unsatisfactory, says state Health Committee chairman Datuk Dr Mohd Hayati Othman.

"The compliance rate among the public in the state is mediocre," he said when contacted yesterday.

Dr Mohd Hayati said that although SOP compliance operations were conducted from time to time, the rate was still at an unsatis-

factory level of 70%.

He said apart from the continuous operation by the police and other related government agencies, the state government must take steps to increase public awareness about the SOP.

Among the measures taken were putting up more billboards at strategic locations and instructing local councils to be proactive in reminding the public about the importance of following the SOP.

"We plan to put up more billboards related to the SOP compliance and the importance of it in our effort to stop the infection and outbreak of the virus.

"Local councils have also been asked to go

to residential areas and villages to remind the public about it," Dr Mohd Hayati added.

He said the public should be aware that the fight against the virus was a priority and should not be taken lightly.

Following a spike in Covid-19 infections in Kedah, the Alor Setar prison has been placed under targeted enhanced movement control order (MCO) for 14 days.

Senior Minister (Security) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said it would be in effect for 14 days from 12.01am today.

On Saturday, the Health Ministry said that 113 new cases were detected in Kedah, out of which 112 infections came from the Tembok cluster.

The cluster emerged on Sept 30 when a 46-year-old Malaysian worker contracted the coronavirus and subsequently died of the disease.

As of Sunday, the cluster had 429 cases mostly involving detainees.

Several roads near the prison area would be closed during the targeted enhanced MCO period.

It is learnt that the roads involved comprised the traffic light junction of Lebuhraya Sultanah Bahiyah and Lebuhraya Darul Aman, and from the traffic light of Jalan Alor Semadom.

The road in front of the prison may also be closed both ways.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

432 Covid cases in a day

➤ Highest number of 224 recorded from Tembok cluster in Kedah

■ BY ALISHA NUR MOHD NOOR
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The number of Covid-19 cases detected in a day jumped to its highest ever since the pandemic hit the country, with 432 cases reported yesterday.

Of this number, 429 were local transmissions involving 409 Malaysians and 20 foreigners.

The three imported cases comprised a Malaysian who returned to Kuala Lumpur from

India, another who left Kuwait for Sarawak and a foreigner arriving in Kuala Lumpur from Myanmar.

"Out of the 429, 224 of the cases were detected from the Tembok cluster, a prison in Kedah, while 29 were returnees from Sabah, bringing the number of cases with a travel history to the state since Sept 20 to 235," Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said yesterday.

"Selangor had 34 cases, including 17 returnees from a high-risk area

(Sabah), nine cases from the Jalan Meru Cluster and three from the Seri Anggerik Cluster."

Kedah recorded the highest number of infections with 241 cases, followed by Sabah with 130, and Selangor with 34.

There were five cases each in Terengganu and Kuala Lumpur, four in Labuan, two each in Perak, Putrajaya and Johor, and one each in Negri Sembilan, Kelantan, Malacca and Pahang.

Three new clusters were found in Kedah and Terengganu. The clusters in Kedah are the Bah Sintok cluster and Jeram cluster, while the one in Terengganu is called the Bah Tanjung cluster.

Noor Hisham said the index

patient for the Bah Sintok cluster is a 23-year-old who returned from Sabah on Sept 20 and tested positive on Oct 2.

"Close contact screening was conducted and 11 more cases were reported, all of whom were taken to the Sultanah Bahiyah Hospital in Kedah," he said.

The total number of active cases is currently at 2,336, with 32 patients in the intensive care unit and eight requiring ventilator assistance.

Only 57 patients were discharged as of noon yesterday, bringing the total number of recoveries to 10,340.

No fatality was reported, keeping the death toll at 137.



CLASS OF ONE ... There was only one Year Five student at Sekolah Kebangsaan Buit Hill Penampang in Kota Kinabalu yesterday as most parents refrained from sending their kids to school due to the rapid increase in Covid-19 cases. — **BERNAMAPIX**